


Tel. : 2383006
Fax : 2383244



جَبَاتُ بَرُوڠَا
مَكْتَبَتُ خِزَانَةِ الْمَرْكَزِي

DEPARTMENT OF LABOUR
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami :

Our Reference : PJB/7300/3

20 Rabiulakhir 1446

24 Oktober 2024

Yang Mulia,
Majikan/Pemilik/Pengurus
**Entiti Perniagaan, Institusi Swasta,
Koperasi, Persatuan, Kelab dan
Badan-Badan Berkanun**
Negara Brunei Darussalam

Tuan/ Puan,

**Per: BANCI TAHUNAN MAJIKAN & PEKERJA, GAJI, PENDAPATAN DAN JAM BEKERJA
BAGI TAHUN 2024 - BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**

Dengan hormat sukacita memaklumkan kepada Tuan/Puan bahawa **Banci Tahunan Majikan & Pekerja 2024**, seperti lazimnya, akan mula dilaksanakan menggunakan **BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**.

2. Penghantaran maklumat banci akan menggunakan **kaedah dalam talian [online]** melalui laman sesawang: www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan **username** majikan/pemilik/pengurus yang boleh diperolehi melalui akaun e-Darussalam yang berdaftar.
3. Sehubungan itu, Jabatan ini memohon kerjasama Tuan/Puan supaya akan dapat memasukkan dan mengemaskini maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing), di bawah tanggungan **Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun** Tuan/Puan yang masih berkhidmat **sehingga 30 Oktober 2024**, termasuk juga maklumat Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus, seperti yang diperlukan di dalam **Business Reporting System**.
4. Maklumat berkaitan banci yang telah dilengkapkan **HANYA boleh dihantar melalui BUSINESS REPORTING SYSTEM mulai 31 Oktober 2024** dan tarikh akhir penerimaan maklumat yang berkenaan secara **dalam talian** ialah pada **30 November 2024**. Bagi yang hanya menggaji tenaga kerja tempatan (tanpa pekerja asing) juga dikehendaki melengkapkan maklumat banci ini. Manakala bagi yang sudah tidak beroperasi lagi juga diperlukan mengemaskini maklumat berkaitan sahaja.

J. .. /2

5. Sukacita disarankan dan dipohonkan kerjasama Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus untuk sebolehnya dapat melengkapkan maklumat banci sendiri. Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci oleh pihak ketiga yang Tuan/Puan amanahkan untuk melengkapkan maklumat tersebut.
6. Tuan/Puan akan dimaklumkan melalui e-mel yang didaftarkan untuk mengambil **Resit Penyata Maklumat Banci**, setelah maklumat banci yang dihantar disahkan lengkap. Jika maklumat Banci didapati tidak lengkap, pemberitahuan juga akan dihantar melalui e-mel, mengenai dengan ketidaklengkapan maklumat Banci berkenaan. Tatacara untuk mengakses *Business Reporting System* dan melengkapkan maklumat Banci boleh di muat-turun melalui laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx atau www.labour.gov.bn
7. Untuk makluman, **Resit Penyata** yang telah dikeluarkan bagi **Banci Tahunan Majikan & Pekerja 2023** adalah **dimansuhkan dan tidak dapat digunakan** lagi mulai **31 Oktober 2024**.
8. Untuk penerangan lanjut, pihak Tuan/Puan bolehlah berhubung dengan Jabatan ini di Kaunter Bahagian Kajian dan Perangkaan, Ruang Legar Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis, ataupun menghubungi talian tetap 2383006/2380256 sambungan 1104/4503/4504 [waktu kaunter beroperasi sahaja]. Kaunter perkhidmatan beroperasi pada masa-masa berikut:-


Hari:-	Pagi:-	Petang:-
Isnin – Khamis & Sabtu	8.00 Pagi – 11.30 Pagi	1.45 petang – 3.30 Petang

9. Untuk peringatan, Banci Tahunan Majikan & Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 dibawah Seksyen 3(1). Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, **mana-mana majikan yang a) sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan pada masa yang dibenarkan, atau b) dengan sengaja memberikan butir-butir atau maklumat palsu; atau c) enggan menjawab atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan, dan jika berterusan denda sebanyak Lima Puluh Ringgit (\$50.00) sehari akan dikenakan.**

Kerjasama Tuan/Puan adalah sangat diharapkan dan terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

"Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan"
"Tiada Kesihatan Tanpa Kesihatan Mental"

Dengan hormat,


[MUHAMMAD SAUFI BIN AWANG HAJI IBRAHIM]
Pesuruhjaya Buruh
Negara Brunei Darussalam